

Hormati keputusan Majlis Fatwa

■ Hukum pelaburan ASB harus kerana masalah ummah serta pelbagai faktor lain

Oleh Siti Nor
Hidayatidayu Razali
sitinor@hmetro.com.my

Masyarakat Islam dinasihat menghormati dan mempercayai institusi kewangan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang diamanahkan untuk menjaga dan menguruskan pelaburan mereka dan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal berkaitan fatwa di Malaysia.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata demikian sebagai respons terhadap isu hukum pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) yang sehingga kini menimbulkan kekeliruan berikutan adanya pihak yang mengatakan bahawa hukum pelaburan dalam tabung unit amanah ASB dan ASN adalah haram.

Walaupun hanya dua negeri yang membuat keputusan hukum pelaburan ASB adalah haram berbanding 12 negeri lain yang menetapkan hukum pelaburannya adalah harus, kekeliruan timbul apabila ada pihak yang mengatakan bahawa hukum pelaburan ASB adalah haram sedangkan mereka tidak terlibat dalam perbincangan mengapa hukum Harus ditetapkan.

Mohamad Shukri berka-

ta, keputusan Majlis Fatwa untuk menetapkan bahawa hukum pelaburan dalam ASB, ASN dan dana PNB lain adalah harus perlu dipercayai dan dihormati kerana ia dibuat selepas semua mufti yang hadir dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa mengambil kira dan menimbang pelbagai faktor termasuklah kesahihan hadis, kaedah fikriah dan masalah ummah.

"Selain dalil dan kaedah fikriah yang perlu dikaji, faktor masalah ummah juga dipertimbangkan kerana kita melihat kepada matlamat penubuhan PNB yang diamanahkan untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Bumiputera terutamanya orang Islam di negara ini yang kebanyakannya masih berada dalam kemiskinan. Hal berkaitan kemiskinan ini tidak dapat dinafikan, malah kita masih gagal menguasai 30 peratus ekuiti dalam sector korporat hingga hari ini.

"PNB tidak sama dengan komersial lain kerana fungsinya adalah seperti badan kerajaan dengan matlamat meningkatkan ekonomi masyarakat Bumiputera dan Melayu, jadi kalau kita samakan PNB dengan komersial lain, itulah yang menyebabkan timbulnya kekeliruan," katanya.

Beliau berkata, untuk menetapkan hukum Harus,

Majlis juga melihat kepada kekangan dan cabaran kepada proses patuh syariah itu sendiri, antaranya termasuklah kerana kurangnya kaunter patuh syariah berbanding yang tidak patuh syariah di pasaran sedangkan dana PNB adalah lebih besar. Jadi dalam mencapai matlamatnya, PNB terpaksa melaburkan dananya dalam kaunter yang tidak patuh syariah.

"Bagaimanapun PNB sudah menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan peratusan pelaburan yang patuh syariah dari semasa ke semasa. Peratusan ini tidak statik dan PNB sentiasa berusaha mengurangkan pelaburan yang tidak patuh syariah.

Paling penting, tidak boleh dinafikan bahawa setakat ini, PNB sudah menunjukkan keupayaan dalam usahanya untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam di negara ini," katanya.

Katanya, Kelantan antara negeri terawal menegaskan 'keharusan' membuat pelaburan dalam kedua-dua unit amanah ini menerusi dua muftinya iaitu Datuk Mohd Noor Ibrahim yang memegang jawatan mufti pada 1968 sehingga 1987 serta Datuk Ismail Yusoff yang bertugas sebagai mufti dari 1979 hingga 1987.

Mohamad Shukri berkata, menerusi persidangan Muzakarah Jawatankuasa

Fatwa Majlis Kebangsaan yang ke-80 pada Februari 2008 juga memutuskan hukum melabur dalam kedua-dua unit amanah itu diharuskan termasuk dividen atau bonus yang diterima.

Katanya, kekeliruan itu wujud kerana adanya percampuran sumber pelaburan halal dan haram yang masih menjadi perdebatan secara berterusan.

Beliau berkata, melalui beberapa hadis, ada yang menunjukkan jika sumber haram itu terlalu sedikit atau dalam jumlah yang sangat kecil ia boleh dikesualkan.

"Ada kaedah yang menunjukkan bahawa jika sumber halal dan haram bercampur ia menjadi haram. Sebaliknya kaedah yang lain pula memberi pengecualian jika nisbah percampuran haram itu dalam jumlah yang sangat kecil.

"Jadi ia 'diharuskan' jika unsur haram dalam nisbah yang kecil berbanding aktiviti utama pelaburan yang halal dalam kuantiti yang besar," katanya ketika di-

temui di pejabatnya di Balai Islam Lundang, di sini.

Beliau berkata, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) juga berpegang kepada pandangan 'pengecualian' bukannya seperti yang disebarkan oleh banyak pihak iaitu menyatakan pelaburan adalah haram.

Menurutnya, melabur sangat digalakkan dalam Islam kerana harta itu perlu diputar dan dikembangkan dalam sektor ekonomi.

"Dengan melabur kewangan akan bergerak dan seterusnya membolehkan pelabur mengeluarkan zakat dan sedekah kepada mereka yang layak.

"Melalui pelaburan, ia akan mengembangkan ekonomi umat Islam kerana masih lagi daif disebabkan majoriti mereka berada di luar bandar yang jauh dari punca ekonomi.

"Dengan pelaburan ini dapat membantu masyarakat Islam untuk sama-sama maju dan memiliki ekuiti masing-masing," katanya.

Katanya, umat Islam perlu merancang masa depan mereka untuk memastikan kehidupan yang lebih baik.

"Perancangan harta bukan saja dibuat oleh mereka yang berpendapatan tinggi, malah kepada mereka yang berpendapatan rendah kerana ia dituntut oleh agama kepada semua orang," katanya.

"Ada kaedah yang menunjukkan bahawa jika sumber halal dan haram bercampur ia menjadi haram. Sebaliknya kaedah yang lain pula memberi pengecualian jika nisbah percampuran haram itu dalam jumlah yang sangat kecil"

Datuk Mohamad Shukri Mohamad

